

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED**  
**[JELI]**  
**TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 1**

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah Kerajaan akan mengemukakan bantahan rasmi kepada World Trade Organisation (WTO) berhubung cadangan Kesatuan Eropah untuk melarang penggunaan minyak sawit dalam biofuel mulai 2021. Apakah kerjasama yang dijalin Malaysia dan Indonesia untuk menangani perkara berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyuarakan kebimbangan Malaysia berkenaan isu diskriminasi minyak sawit oleh Kesatuan Eropah (EU) dengan mengemukakan bantahan rasmi di pelbagai mesyuarat peringkat Jawatankuasa Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sejak tahun 2017. Antaranya adalah di mesyuarat Jawatankuasa Halangan Teknikal Perdagangan (*Technical Barriers to Trade - TBT*), Majlis bagi Perdagangan Barangan (*Council for Trade in Goods - CTG*) dan Mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan dan Alam Sekitar (*Trade and Environment Committee - CTE*).

2. Dalam pada masa yang sama, Malaysia juga telah membangkitkan isu diskriminasi minyak sawit ini sebagai *Specific Trade Concern (STC)*, dengan izin, di Mesyuarat Jawatankuasa TBT dalam usaha untuk memberi tekanan kepada Kesatuan Eropah agar mempertimbangkan semula cadangan pelaksanaan peraturan terbaru tersebut. Selaku negara anggota WTO, Malaysia juga mempunyai pilihan untuk membawa isu ini ke peringkat Badan Penyelesaian Pertikaian (*Dispute Settlement Body - DSB*) WTO di masa akan datang. Walau bagaimanapun, ini hanya dapat dilakukan setelah kaedah pelaksanaan dan isi kandungan peraturan terbaharu berkenaan diterbitkan dengan lebih jelas oleh pihak Kesatuan Eropah, bagi membolehkan negara-negara Ahli WTO yang terjejas menilai dengan lebih teliti aspek-aspek yang bercanggah dengan peraturan-peraturan WTO.

3. Selain itu, inisiatif lain yang telah dilakukan oleh Kerajaan di peringkat WTO adalah dengan mewujudkan satu gabungan yang dikenali sebagai *Friends of Palm Oil (FPO)* di Geneva bermula pada April 2017. Gabungan FPO ini adalah terdiri dari perwakilan negara-negara pengeluar utama minyak sawit dunia di WTO iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Colombia, Guatemala, Ecuador, Costa Rica dan Honduras. Antara tindakan yang telah diambil oleh ahli-ahli FPO adalah untuk menyuarakan bantahan secara bersama di pelbagai mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa WTO. FPO juga telah menganjurkan sesi khas semasa Forum Awam WTO 2017 pada 26 September 2017 dalam usaha untuk memperbetulkan persepsi negatif terhadap minyak sawit berdasarkan bukti fakta dan saintifik.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Berhubung kerjasama yang dijalin antara Malaysia dan Indonesia, selain tindakan-tindakan yang diambil di bawah gabungan FPO seperti yang dinyatakan tadi, Malaysia dan Indonesia telah bersama-sama mendapatkan sokongan daripada negara-negara ASEAN yang lain bagi menggesa supaya peringkat hubungan antara ASEAN dan Kesatuan Eropah (EU) ditangguhkan daripada status Rakan Dialog kepada Perkongsian Strategik sehingga isu larangan minyak sawit diselesaikan. Pandangan tersebut telah dipersetujui dan disuarakan semasa Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN-EU Ke-22 (AEMM) pada 21 Januari 2019 di Brussels, Belgium. Rentetan dari itu EU dan ASEAN akan berkerjasama lebih erat dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan minyak sawit dengan cara yang lebih konstruktif.

5. Selain itu, Malaysia dan Indonesia juga telah menubuhkan *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC) pada 21 November 2015 sebagai platform bagi negara-negara pengeluar sawit meningkatkan kerjasama di dalam pembangunan industri sawit serta menangkis kempen anti minyak sawit dan halangan perdagangan. Melalui CPOPC juga, kerjasama dua hala di antara Malaysia dan Indonesia yang merupakan pengeluar utama minyak sawit dunia dapat diperkukuhkan. Pelbagai usaha dan kerjasama di bawah CPOPC, antaranya adalah:

- i. Kolaborasi bersama *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD) dan *Food and Agriculture Organization* (FAO) untuk memperkukuhkan imej minyak sawit;
- ii. mengemukakan maklumbalas secara bertulis kepada pihak-pihak berkaitan terhadap isu kempen anti minyak sawit;
- iii. Penglibatan dalam persidangan antarabangsa seperti *European Palm Oil Alliance Conference* dan *WTO Public Forum* bagi menerangkan perspektif negara penanam sawit dalam pengeluaran minyak sawit mampan; dan
- iv. Menganjurkan *Inaugural Ministerial Meeting of Palm Oil Producing Countries* (IMMPOPC) yang turut dihadiri oleh negara pengeluar minyak sawit yang lain seperti Thailand, Colombia, Guatemala dan Nigeria.

Sekian, terima kasih.